

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada harga Internet akan dikurangkan lagi dalam masa terdekat dan apakah tindakan diambil untuk memastikan Internet di negara ini berkualiti baik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa memantau pakej dan harga yang ditawarkan kepada pengguna bagi memastikan pengguna dapat menikmati Internet pada harga yang berpatutan. Terdapat pelbagai pilihan yang ditawarkan mengikut keperluan dan tahap kemampuan pengguna iaitu melalui jalur lebar tetap, jalur lebar mudah alih dan jalur lebar tetap tanpa wayar. Pakej asas jalur lebar mudah alih prabayar ditawarkan pada harga RM10 manakala harga pakej asas jalur lebar mudah alih pascabayar ditawarkan pada harga RM8. Secara umumnya, pengguna boleh menikmati perkhidmatan jalur lebar mudah alih dengan harga serendah **27 sen sehari**.

Selain daripada itu, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), pembekal perkhidmatan mudah alih utama juga menawarkan internet secara percuma sebanyak 1GB setiap hari (bersamaan 30GB data percuma setiap bulan) bermula dari 1 April 2020 sehingga akhir tahun 2021. Penggunaan data percuma 1GB ini boleh digunakan untuk aktiviti produktiviti dan khusus untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Sejajar dengan penggunaan data yang semakin meluas, kebanyakan syarikat telekomunikasi mudah alih utama juga telah mula menawarkan pakej data tanpa had untuk pelan prabayar pada harga serendah RM30 mulai Jun 2020.

Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi, terdapat syarikat penyedia perkhidmatan yang menawarkan pakej asas 30Mbps pada harga RM80 sebulan. Bagi kawasan yang tidak ada liputan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi, Telekom Malaysia (TM) menawarkan pakej Broadband Lite Package pada harga RM38 dengan data sebanyak 50GB, selain pakej-pakej yang lain. Memandangkan sasaran pakej jalur lebar talian tetap adalah kepada penggunaan isi rumah dan dengan mengambil kira laporan Jabatan Perangkaan Malaysia bahawa purata isi

SOALAN NO : 22

rumah untuk tahun 2019 adalah seramai 4 orang, ini bermaksud harga jalur lebar talian tetap untuk setiap pengguna isi rumah adalah serendah **32 sen sehari**.

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan Internet di Malaysia sentiasa ditambah baik, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) pada 29 Ogos 2020. Inisiatif ini menjadi platform penambahbaikan komunikasi digital negara di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (2021–2025) melalui peningkatan tahap kesalinghubungan serta pengalaman perkhidmatan komunikasi melalui pembangunan infrastruktur yang mampan. Pencapaian JENDELA sehingga suku kedua 2021 adalah seperti berikut:

- a. Penambahan sebanyak 1.1 juta premis daripada 4.95 juta premis yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6.05 juta premis di seluruh negara telah disediakan dengan akses gentian optik;
- b. Kelajuan jalur lebar mudah alih meningkat daripada 25Mbps kepada 26.03Mbps;
- c. Peluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 94.03% di kawasan berpenduduk; dan
- d. hampir 1 juta pelanggan 3G sedia ada telah beralih kepada 4G dan lebih 39,000 rangkaian 3G telah ditutup untuk menambahbaik liputan dan kualiti perkhidmatan teknologi 4G.